

# Nilai Islam kerajaan BN diterima kaum Cina — Ong

JAM 10 JUL 2002

MASJID TANAH 9  
Julai — Masyarakat  
Cina di negara ini  
dapat menerima ni-  
lai-nilai Islam yang  
diterapkan oleh kera-  
jaan Barisan Nasio-  
nal (BN) kerana para  
pemimpin Islamnya  
melakukannya seca-  
ra sederhana tetapi  
praktikal sehingga ti-  
dak menakutkan  
penduduk bukan Is-  
lam.

Sehubungan itu,  
Naib Presiden MCA,  
Datuk Seri Ong Ka  
Ting meminta masyarakat Cina di  
kawasan Dewan Undangan Negeri  
Anak Bukit dan Parlimen  
Pendang di Kedah, memberi me-  
sej secara jelas kepada Pas mela-  
lui undi mereka.

Menurut beliau, sikap pemim-  
pin Pas dalam memperjuangkan  
agama Islam amat berbeza de-  
ngan pemimpin Islam lain termas-  
uk Perdana Menteri, Datuk Seri  
Dr. Mahathir Mohamad yang le-  
bih sederhana dan praktikal da-  
lam menerapkan nilai-nilai Islam  
dalam pemerintahan dan pelbagai  
sistem kehidupan termasuk eko-  
nomi.

“Oleh kerana itulah kepimpin-  
an Perdana Menteri telah menda-  
pat pengiktirafan besar daripada  
negara-negara Islam lain dan juga  
negara bukan Islam,” katanya.

Beliau berkata de-  
mikian kepada para  
pemberita ketika di-  
temui selepas satu  
majlis makan malam  
di Sekolah Rendah  
Jenis Kebangsaan (C)  
Masjid Tanah di sini  
malam tadi.

Ka Ting yang juga  
Menteri Perumahan  
dan Kerajaan Tempa-  
tan memberitahu, be-  
liau percaya masya-  
rakat Cina akan me-  
nyokong calon BN  
pada pilihan raya ke-  
cil itu.

Katanya, kerajaan BN telah  
terbukti mampu menghadapi pel-  
bagai cabaran manakala parti  
pembangkang pula lebih suka  
mengkritik dan bercakap tetapi  
tidak membantu dalam menyele-  
saikan sesuatu masalah.

Menurutnya, kemenangan BN  
dalam pilihan raya kecil Indera  
Kayangan, Perlis, sebelum ini  
menunjukkan masyarakat Cina  
memberi sokongan kepada BN  
walaupun pembangkang mendak-  
wa undi Cina yang mereka perole-  
hi semakin bertambah.

“Kami telah membuat analisis  
di semua peti undi dan mendapati  
undi masyarakat Cina terhadap  
BN semakin meningkat pada pili-  
han raya kecil berbanding pili-  
han raya umum 1999,” katanya.